

30 NOV 2001

Mahathir-Rumah/

DR MAHATHIR LAWAT RUMAH KELAHIRANNYA

ALOR SETAR, 30 Nov (Bernama) -- "Inilah tempat saya biasa duduk makan roti canai," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sambil menunjukkan dapur rumah No 18, Jalan Kilang Ais di sini.

Dr Mahathir hari ini melawat rumah tempat beliau dilahirkan pada 20 Dis 1925 dan rumah itu kini dikenali sebagai "Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad".

Perdana Menteri meluang masa kira-kira sejam melawat rumah papan beratap nipah itu dan kawasan sekeliling yang telah dibangunkan sebagai Kompleks Kelahiran Mahathir Mohamad yang menempatkan auditorium, pejabat dan dewan pameran.

Dr Mahathir dibesarkan di rumah itu yang telah dipulihara oleh Arkib Negara.

Barangan Dr Mahathir dan keluarganya seperti katil, almari, meja, meja solek, kerusi dan perkakas dapur masih disimpan di rumah itu.

Dr Mahathir turut mengejutkan rombongan yang menemaninya pada lawatan itu apabila beliau duduk di atas pagar berandah.

"Ini tempat kegemaran saya. Saya memang biasa duduk di atas pagar berandah ini," katanya kepada pemberita.

Dr Mahathir berkata beliau merasa nostalgia apabila balik ke rumah itu.

"Saya melihat gambar-gambar semasa muda," katanya.

Rumah itu dibina pada 1900 dan dibeli oleh bapa Dr Mahathir, Mohamad Iskandar.

Dr Mahathir berkata beliau sering melawat rumah itu walaupun selepas menjadi Perdana Menteri.

Turut menemani beliau dalam lawatan itu ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

-- BERNAMA

JM MOZ